

0711

UB608 A A B  
HAHATHIR - INDUSTRI

NIBONG TEBAL, 24 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAHAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA KINI SEDANG MENUJU KE ARAH -- NEGARA PERINDUSTRIAN DAN SEJAJAR DENGAN ITU MEMERLUKAN TENAGA PEKERJA YANG MAHIR DAN CEKAP.

NEGARA KINI MAJU DAN MEMERLUKAN PEKERJA YANG MAHIR UNTUK MENGHASILKAN BARANGAN PEMBUATAN YANG BOLEH DIEKSPORT, YANG SECARA LANGSUNG DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA, KATA PERDANA HENTERI.

+NEGARA PERLU LEBIH BERGANTUNG KEPADA BARANGAN PEMBUATAN UNTUK DIEKSPORT KERANA BARANGAN PERTANIAN SEPERTI GETAH DAN KELAPA SAWIT TIDAK TETAP HARGANYA DI PASARAN DUNIA, + KATANYA KETIKA BERUCAP MERASIKAN SEKOLAH HENENGAH VOKASIONAL NIBONG TEBAL YANG BERHARGA \$23 JUTA DI SINI H A R I INI.

+KERAJAAN INGIN HENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG HAJU SEPERTI JEPUN YANG KEHUDIAN AKAN DIHORMATI OLEH DUNIA, + KATA BELIAU TETAPI MENEGASKAN BAHAWA USAHA ITU TIDAK AKAN DICAPAI DALAM MASA YANG SINGKAT.

+BAGAIMANAPUN TANPA D A S A R PERINDUSTRIAN, NEGARA TIDAK AKAN MAJU, KERANA TERBUKTI NEGARA YANG HANYA BERGANTUNG KEPADA BIDANG PERTANIAN TIDAK MENCAPI KEMAJUAN. + - - LAGI

2103MST 24 06 90

UB609 A A B  
HAHATHIR - INDUSTRI 2 NIBONG TEBAL

BELIAU BERKATA MELALUI DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA, KINI BANYAK KILANG PEMBUATAN DIDIRIKAN, YANG BUKAN SAHAJA MEWUJUDKAN BANYAK PELUANG PEKERJAAN MALAHAN MENINGKATKAN PENDAPATAN NEGARA.

+DAHULU TIDAK BARANGAN NEGARA DIEKSPORT, TETAPI KINI APABILA KE LUAR NEGARA, RAKYAT MALAYSIA AKAN DAPAT MELIHAT SESETENGAH BARANGAN YANG DIPERBUAT DI MALAYSIA! TERMASUK KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, KOMPUTER DAN HIKRO-MIKRO CHIPS, +

+JANGAN HERENDAH-RENDahkan BARANGAN BUATAN MALAYSIA, + KATANYA SAHBIL MENAHBAH KATA BAHAWA PEKERJA PROTON KINI ADALAH MEREKA YANG MAHIR SETANDING DENGAN PEKERJA DI JEPUN DAN MAHU HENGHASILKAN REKABENTUK KERETA YANG MENARIK, MALAHAN AKAN MELAHIRKAN PROTON SAGA BENTUK BARU PADA 1994.

BAGAIMANAPUN, BELIAU HENGINGATKAN SEMUA PIHAK BAHAWA SEBAGAI PERSEDIAAN KE ARAH NEGARA PERINDUSTRIAN, LEBIH BANYAK TENAGA MAHIR PERLU DILAHIRKAN SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI YANG CANGGIH SETIAP TAHUN.

OLEH KERANA ITU, PERLU DITEKANKAN LAGI LATIHAN VOKASIONAL DALAM BIDANG PENDIDIKAN UNTUK MELAHIRKAN PEKERJA-PEKERJA SEPARUH MAHIR DAN MAHIR BAGI NEREBUT PELUANG PEKERJAAN DALAM INDUSTRI PEMBUATAN, KATA BELIAU.

BELIAU BERHARAP SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENGELUARKAN TENAGA MAHIR DAPAT DIDIRIKAN LEBIH BANYAK LAGI SUPAYA LAHIR LEBIH RAMAI TENAGA MAHIR YANG DAPAT BEKERJA DENGAN LEBIH CEKAP DAN BERKESAN. -- BERNAMA  
2106MST 24 06 90